

## SIARAN MEDIA

Tarikh: 16 Januari 2013

Ruj: CBMR-5-RFI-4-CSMKPE-V1

### UNTUK SIARAN SEGERA

## CYBERSECURITY MALAYSIA LANTIK DR. AMIRUDIN ABDUL WAHAB SEBAGAI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BARU

(KUALA LUMPUR) - CyberSecurity Malaysia, pusat pakar keselamatan siber negara di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), hari ini mengumumkan pelantikan DR AMIRUDIN BIN ABDUL WAHAB sebagai Ketua Pegawai Eksekutif CyberSecurity Malaysia yang baru, berkuatkuasa dari 14 Januari 2013.

Sebelum pelantikan ini, Dr. Amirudin berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) MOSTI sejak Januari 2010.

Dalam kapasiti beliau sebagai Setiausaha Bahagian Dasar ICT MOSTI, Dr. Amirudin mengetuai dan menyelaras pelbagai program pembangunan dan aktiviti agensi-agensi di bawah Kluster ICT MOSTI, iaitu CyberSecurity Malaysia, Multimedia Development Corporation Sdn Bhd (MDec), MIMOS Berhad dan .my DOMAIN REGISTRY. Beliau juga mengurus hal ehwal antarabangsa yang berkaitan dengan ICT bagi pihak MOSTI, serta program-program kebangsaan dan promosi pembudayaan ICT untuk Negara. Beliau merupakan Ketua Sekretariat kepada Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Dr. Amirudin turut menyandang jawatan Pengerusi Kebangsaan Jawatankuasa Standard Perindustrian bagi Teknologi Maklumat, Telekomunikasi dan Multimedia. Beliau juga adalah Ahli Jawatankuasa Kebangsaan bagi Jawatankuasa Kerja e-Kedaulatan, yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Majlis Keselamatan Negara. Selain itu, beliau merupakan Profesor Adjung di UNITEN, dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan juga merupakan Ahli Panel Penasihat Industri (IAP) Universiti Teknologi Petronas (UTP).



Dr. Amirudin memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Dasar ICT Kebangsaan dan Pengurusan Strategik, dari School of Information Technology & Electrical Engineering, University of Queensland, Brisbane, Australia. Beliau turut mempunyai Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dari Universiti Dubuque, Iowa, Amerika Syarikat; Sarjana Teknologi Maklumat (MSc. IT), dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Elektrik (BSEEE) dari University of Michigan, Ann Arbor, Amerika Syarikat.

~ TAMAT ~

Untuk pertanyaan tentang dokumen ini, sila hubungi +603-89460999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 895), atau Sandra Isnaji (ext: 867), atau e-mel [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my)

Laman Web: [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)

Laman Sosial (Facebook): [www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia](http://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia)  
(Twitter): [www.twitter.com/cybersecuritymy](http://www.twitter.com/cybersecuritymy)  
(YouTube): [www.youtube.com/cybersecuritymy](http://www.youtube.com/cybersecuritymy)

## Tentang CyberSecurity Malaysia

CyberSecurity Malaysia ([www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)) adalah pusat pakar keselamatan siber negara dan berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab memelihara aspek e-Keselamatan nasional.

Sebelum ini dikenali sebagai Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Kebangsaan (NISER), CyberSecurity Malaysia menjadi sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ([www.mosti.gov.my](http://www.mosti.gov.my)) sejak tahun 2005.

Pada dasarnya, peranan CyberSecurity Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan khusus dalam bidang keselamatan siber, seperti berikut:

- Tindak balas kecemasan keselamatan siber, pengendalian insiden, dan forensik digital.
  - Pengurusan kualiti keselamatan siber.
  - Pembangunan keupayaan dan kapasiti keselamatan siber.
  - Capaian (outreach) dan pembudayaan keselamatan siber.
  - Penyelidikan dan pemantauan (assessment) risiko keselamatan siber.
  - Penilaian (evaluation) dan pensijilan keselamatan siber.



**CyberSecurity Malaysia**  
(726630-U)

*Corporate Office:*  
Level 8, Block A  
Mines Waterfront Business Park  
No 3 Jalan Tasik, The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia